

Cerpen

ISTERIKU JADI KOPIAH PUTIH

Hari Rabu, jam tanganku menunjukkan 11.00 pagi. Keadaan cuaca tidak panas seperti biasa. Ini disebabkan keadaan jerebu yang semakin menebal akibat pembakaran hutan yang berlaku di negara jiran. Pemandangan mataku juga agak kabur sedikit. Jerebu menusuk masuk ke dalam gerabak LRT. Terdapat dua nyonya memakai pelitup. Tadi semasa aku ke klinik spesialis, aku katakan kepada doktor psikiatris yang aku sudah tidak ingat wajah isteri aku lagi. Aku tidak tahu kenapa ? Tapi aku cukup pasti ia bukan kerana jerebu. Gangguan ingatan aku sudah mula berlaku sebelum jerebu datang melanda Singapura. Doktor ingat yang isteri aku sudah meninggal dunia. Aku menjawab cepat yang dia masih hidup. Aku beritahu doktor lagi kalau aku tengok wajah dia pada malam hari, esok pagi aku sudah lupa sama sekali.

“Sudah berapa lama awak kahwin?” Doktor bertanya lagi.

“Tujuh tahun,” aku jawab ringkas. Doktor mencatat pantas di buku notanya.

“Anak?”

“Belum ada.”

“Awak *planning*?”

“Tidak. Kami jarang dapat tidur sama.” Wajah doktor berkerut memandangi aku. “Isteri saya bekerja. Dia mengajar di *kindergarten*. Pulang dia selalu cakap dia penat.”

“Ada pernah jatuh atau *accident*?” Tanya doktor lagi.

“Tak pernah.”

“Pernah operation?” Doktor tunjukkan ke arah kepala.

Aku gelengkan kepala. Soalan doktor bertubi-tubi datang. Aku tahu dia tidak percaya dengan pengakuan aku. Tapi tuan doktor masih mencatat sesuatu dengan pantas di buku

notanya. Seolah-olah segala keterangan yang aku berikan amat penting baginya. Dia terangkan lagi bahawa orang yang tidak ingat pada barang-barang atau peristiwa yang baru berlaku itu disebabkan berlakunya gegaran otak atau otak itu tidak berfungsi normal seperti orang biasa. Akhirnya doktor kata aku kemurungan kerana terlalu banyak berfikir. Namun dia tidak berputus asa. Doktor mahu berjumpa aku lagi. Sebelum pulang dia suruh aku ambil ubat.

Selalunya, kalau aku berjalan kaki pulang dari stesyen LRT menuju ke blok rumahku, dahi dan badanku sudah mula berpeluh. Hari ini keadaan macam hendak hujan. Kalau hujan turun, bagus juga. Hujan dapat kurangkan jerebu di udara. Aku tidak tergesa-gesa hendak terus pulang. Untuk apa aku pulang cepat ke rumah? Aku bertanya diriku sendiri. Aku pasti, hari ini isteri aku benar-benar sudah lari dari rumah. Itulah yang dia lafazkan semalam setelah kami sudah tidak kuasa hendak bertengkar lagi. Sebenarnya isteri aku yang banyak bercakap. Bukan bercakap tapi memarahi aku dengan kata-kata yang menyakitkan hati aku. Dia sengaja berbuat begitu dengan harapan aku akan melawan cakupannya. Aku sengaja memekakkan telinga. Itu membuatkan dia merasa jengkel dan semakin meluap-luap kemarahannya. Kalau cakupannya boleh bertukar menjadi api, dia tentu sudah menjadi seekor naga fantasi yang menyemburkan api ke muka aku.

Aku sudah lali dengan kata-kata kesat yang dilemparkan kepada aku. Sayangnya kenapa baru beberapa bulan yang akhir ini isteriku tiba-tiba bersikap demikian ? Nasib baik aku mengalami suatu macam penyakit ganjil iaitu apa yang diperkatakan oleh isteriku, aku akan lupa keesokan harinya. Oleh yang demikian aku ambil keputusan membiarkan dia dengan kemarahannya. Akhirnya dia tuduh aku menggunakan taktik "*aggressive-passive*" macam tembok batu. Maknya aku melawan dalam diam. Tindakan aku itu lebih zalim katanya. Selama ini dia amat menderita, menanggung kezaliman aku terhadapnya.

"Awak boleh kurangkan rasa derita kalau awak mampu kurangkan berleter. Saya juga cukup menderita dengan leteran-leteran awak tu. Ia macam jarum-jarum halus datang menikam

jantung saya.” Itulah perkataan aku yang terpanjang dan terakhir aku tujukan kepadanya. Dia masih tidak puas hati.

“Awak jangan terperanjat, kalau besok awak balik kerja, saya sudah tidak ada lagi dalam rumah ni.” Isteri aku terus masuk ke dalam bilik sambil menghempaskan daun pintu, tertutup rapat. Itu tandanya dia tidak mahu melihat wajah aku lagi.

Keesokan hari, iaitu hari Rabu yang berjerebu, aku tidak jadi pergi kerja. Semalaman aku tidak dapat tidur memikirkan sikap isteri aku terhadap aku. Dua bulan dulu, waktu dia mendengar aku bercakap di telefon dengan seorang teman kerja, aku terpandang sosok tubuhnya berdiri tercegat di pintu dapur. Kedua biji mata hitamnya memandang tepat ke arah aku. Kemudian dua biji mata isteriku bertukar warna menjadi merah saga, macam mata naga. Telinganya menangkap perbualan kami. Kedua kuping telinga isteriku itu semakin cepat membesar hingga terbentuk macam telinga seekor gajah. Selepas aku meletakkan gagang telefon, dia terus datang menyerang aku. Dia mengharapkan aku jadi kecut dan takut. Dia mengharapkan tubuh aku mengecil menjadi seekor tikus padi yang mencicing lari masuk ke dalam lubang. Tapi aku tetap tidak berganjak.

“Kalau awak boleh berbohong dengan bos awak, dengan saya agaknya sudah satu *container* awak berbohong,” tukasnya lagi. Dia tahu aku bercakap di telefon dengan Juriah. Dia juga tahu Juriah bekerja sebagai kerani di tempat aku bekerja. Aku minta jasa baik Juriah supaya menyampaikan pesan kepada ketua pejabat yang aku tidak dapat pergi kerja hari itu.

“Awak tak sakit, tapi kenapa berbohong tak pergi kerja? Jangan-jangan awak nak beritahu Juriah yang awak nak keluar dengan dia, tak?”

Aku mendiamkan diri.

“Dulu pun perangai awak macam ni juga. Awak bohong tak dapat datang ambil saya di rumah emak-bapak saya. Tapi bila Juriah telefon minta tolong belikan *tank* ikan, awak sanggup keluar. Awak ada masa.” Dia berkemampuan untuk terus mengungkit. Dia berkemampuan

mengingati segala peristiwa yang berlaku yang aku sendiri sudah lupa. Tapi kepalanya tidak macam kepala aku. Ingatan seorang isteri macam sofwe perisian dalam perkakasan komputer,

Aku mengurut dada beristighfar panjang dalam hati. Sebenarnya aku tidak dapat tumpukan pekerjaan aku hari itu kerana semalaman aku tidak dapat tidur. Dia tidak tahukah yang aku tidak dapat tidur gara-gara bertengkar panjang dengan dia ? Kalau dia sudah memebel, tengok sinetron Indonesia lebih pendek dari cerita yang bukan-bukan keluar dari mulutnya. Darah aku mendidih mendengar kata-kata kesat yang terhambur keluar. Isteriku begitu fasih melakukannya. Dia benar-benar seperti seorang pelakon yang handal menghafal skrip dengan kata-bual yang pelik-pelik dan penuh dengan ancaman emosi. Mungkin dia tidak nampak sebab kata-kata itu hanya merupakan suara, bukan api yang keluar dari mulut naga fantasi. Oleh kerana aku tidak tidur semalaman, kepala aku jadi pening. Badan aku jadi lemah. Tekak aku jadi mual. Sudah lama yang diri aku tak macam dulu lagi.

“Awak nak marahkan saya, marahlah. Tapi jangan tuduh yang bukan-bukan. Jangan reka benda-benda yang saya tidak buat. Awak hendak saya benar-benar bermain asmara dengan si Juriah yang gemuk gedempol tu?” Aku sengaja mengancam isteriku biarpun aku sudah lebih dulu tahu jawapan yang keluar dari mulutnya.

“ Pergilah jumpa dia! Saya tak takut!” Juriah mengancam aku lagi. Setelah setengah jam isteriku mendiamkan diri dalam kamar, aku ambil keputusan berjalan keluar untuk menenangkan fikiranku. Sampai di muka pintu, isteriku bersuara dari dalam kamarnya, “Kalau awak nak kahwin dengan si Juriah tu pun saya tak hairan.” Aku hairan bagaimana dia tahu aku hendak keluar? Aku teruskan niatku kerana memang benar aku hendak berjumpa Juriah. Aku berjumpa Juriah petang itu kerana hendak mengambil kerja-kerja yang belum beres supaya aku dapat selesaikan di rumah. Namun aku tidak memberitahu perkara itu kepada isteri aku. Sampai mati dia tidak akan percaya.

Dengan membawa beg sandang tersangkut di bahu kananku, aku sengaja berjalan

masuk ke gedung membeli-belah dulu. Gedung itu tidaklah sebesar gedung yang berada di *Orchard Road*. Tapi, cukup menampung keperluan penduduk-penduduk di kawasan estet tempat aku tinggal. Semua barang-barang keperluan ada di jual di situ. Walaupun aku sudah hafal kedudukan kedai-kedai dalam gedung kecil itu, aku sengaja berligar-ligar memerhatikan barang-barang yang mereka jual. Dengan cara begini, aku rasa lebih aman. Ada sebuah kedai *mini-mart* di tingkat bawah sebelah hujung berdekatan dengan kedai kopi. Ada dua klinik privet, ada sebuah kedai menjual peralatan tulis, ada kedai menjual roti dan kek dan di bahagian atas, di hujung sebelah kiri terdapat sebuah pejabat yang menjual loteri kuda. Pintunya menghadap pintu yang paling dekat untuk sesiapa yang hendak cepat berjalan keluar dari bangunan itu. Hari Rabu, Hari Sabtu dan Hari Ahad, ramai yang beratur hendak membeli loteri. Mereka beratur hingga ke luar pintu. Lelaki, perempuan, Cina, India dan Melayu semua turut membeli loteri. Mereka hendak cepat jadi kaya, agaknya. Aku terfikir sejenak bahawa orang seperti aku, wang ringgit yang banyak tidak dapat memberikan ketenangan dan kebahagiaan hidup berumahtangga.

Setelah puas aku berjalan di tingkat dua, aku kembali turun ke tingkat bawah. Aku singgah di kedai kopi dan duduk di meja sebelah hujung berdekatan dengan orang lalu-lalang. Aku sengaja tidak mahu cepat pulang. Mungkin dia sudah tidak ada lagi dalam rumah tu. Dia sudah lari meninggalkan aku. Tiba-tiba darahku kembali mendidih. Fikiran aku mula berkecamuk. Hati aku sakit menyimpan dendam yang tidak dapat aku luahkan. Aku bertanya sendiri kenapa aku sanggup bertahan agak lama supaya aku tidak bertengkar dengan isteri aku. Kenapa tidak ada orang yang memuji aku kerana dapat mengawal kemarahan aku supaya aku tidak meletakkan tangan atau mencederakan dia ? Sudah lima bulan lamanya aku suka duduk bersendirian. Namun, fikiran aku semakin kacau. Macam-macam hasutan yang mendatang. Aku cuba melawan. Ada hasutan supaya aku tampar saja mulutnya. Biar darah menyembur keluar dari celah-celah bibirnya. Puas hati aku. Ada hasutan menyuruh aku

tinggalkan saja isteri aku itu. Cari perempuan lain yang lebih baik yang tahu hormat kepada suami. Tidak! Aku masih dapat melawan hasutan buruk itu. Aku mahu hidup semati dengan isteri aku. Aku sudah berjanji dengan kedua orang tuanya, yang aku tidak akan mensia-siakan hidupnya. Aku akan menjaga dia dengan baik.

Suatu petang, tatkala aku dan isteriku hendak berpindah ke rumah baru kami, ayah mertuaku memberikan satu dua kata nasihat yang berguna kepada aku.

“Sekarang anak pakcik tu dah jadi isteri kau. Tanggung jawab pakcik dah lepas. Tapi isteri kau tu masih mentah lagi dalam hidup. Kalau dia tak faham, jangan marah. Jangan pukul. Suami yang suka memukul isteri adalah seburuk-buruk lelaki. Lebih buruk dari seekor beruk.” Aku jadi gelihati. Tapi aku dapat mengawal kerana aku tahu ayah mertuaku bercakap dengan sungguh-sungguh.

“Kau beruntung dapat kahwin anak kami,” giliran ibu mertuaku pula mencelah. “Dialah satu-satunya anak kami. Apa boleh buat, dia sudah sukakan kau. Dia pilih kau jadi suaminya daripada lelaki lain.”

Di peringkat awal perkahwinan kami, isteriku memang baik. Dia patuh dan taat pada suami. Makan-minum aku cukup terjaga. Pakaian aku dia yang basuh dan seterika. Kawan-kawan pejabat selalu puji tentang pakaian aku. Cukup ranggi dan kemas. Mereka kata aku beruntung dapat isteri seperti dia. Hanya Juriah yang tidak setuju. “Kau nak cari isteri ke atau nak cari babu rumah?” Juriah memperli pilihan aku. Waktu itu badannya masih kurus dan cantik.

“Aku tak berniat macam tu, Juriah. Aku tak paksa pun. Dia kata memang tugas dia sebagai isteri menjaga makan-minum suaminya dengan baik,” aku cuba betulkan tanggapan salah Juriah.

“Isteri kau tak bekerja sebab itulah dia kata macam tu,” Juriah masih nak mempertahankan pendiriannya. “Lainlah kalau isteri kau bekerja. Tentu dia tak ada masa nak

buat kerja-kerja tu semua. Engkau pun kena bantu memasak dan membasuh,” sambung Juriah lagi. “Zaman sekarang ni, isteri pun ada hak untuk berehat.”

“Isteri aku tak bekerja sebab dia nak belajar lagi. Aku izinkan. Dia sekarang ambil kursus sambilan,” aku mempertahankan yang aku bersikap bertimbang-rasa terhadap isteri aku. Aku tidak mahu biarkan Juriah berterusan bercakap pasal isteri aku lagi. Lalu aku pelawa dia pergi minum kopi di kantin tempat kami bekerja. Juriah memang suka keluar minum air atau makan tengah hari bersama aku. Entah kenapa? Ada ramai pemuda-pemuda yang bujang bekerja di tempat itu. Juriah lebih senang berada bersama aku.

“Mahu minum apa?” Nonya pembantu kedai kopi menyergah aku. Dia sudah berada depan meja. Kemudian dia tersenyum melihat aku terperanjat dari lamunan.

“Kopi susu kurang gula”, aku menjawab ringkas.

“Ini hari tak ada kerja?” Aku gelengkan kepala.

“Ini hari lu punya bini takda masak kah?” Aku gelengkan kepalaku lagi. Tak kan aku nak bagi tahu perempuan Cina ni yang isteri aku sudah lari dari rumah ? Buat malu aku saja. Nyonya segera beredar untuk bertanya pelanggan-pelanggan lain yang baru sampai.

Kebelakangan ini, lamunan aku semakin teruk. Keadaan di ruang kedai kopi yang hingar-bingar itu tidak dapat mengganggu lamunan yang selalu datang bertubi-tubi dalam fikirianku. Ia lebih gamat dan lebih bising. Tapi, cuma aku seorang saja yang mendengarnya. Aku tidak tahu kenapa. Mungkin kalau dulu lagi aku berani bersikap tegas dan melawan segala cakapan isteri aku, aku tidak jadi sampai begini. Mungkin. Ya hidup memang penuh dengan kemungkinan. Siapa boleh tahu, aku yang sangat mengharapkan hidup bahagia dan aman dengan isteriku boleh berubah macam ni? Siang malam hatiku tidak tenang. Aku sudah tidak kenal erti bahagia lagi.

“Manusia sengaja nak cari susah, “ Juriah pernah berdebat dengan aku tentang kehidupan, “ Kalau sudah tahu depan ada lubang kenapa teruskan. Pilihlah jalan lain yang rata

dan selamat,” Juriah tiba-tiba bercakap macam seorang *motivator*.

“Saya nak beritahu awak, saya dah dapat kerja.” Isteri aku menyambut kepulanganku dengan berita gembira.

“Kerja di mana ?” tanyaku ringkas sambil menanggalkan kasutku dengan menggunakan kakiku sendiri. Dengan menggunakan kaki juga aku tolak kasut itu ke tepi berhampiran pintu masuk.

“Saya jadi guru di *kindergarten*” Isteri aku menjelaskan dengan ringkas. Aku tahu kalau boleh dia tidak mahu beritahu aku akan kejayaannya. Mungkin dia masih ingat bahawa ada orang lain dan penting dalam rumah ini, iaitu suaminya sendiri.

Waktu dia lulus mendapat diploma dalam bidang, *Diploma in Early Childhood Care and Education – Teaching (DECCE-T)*, isteriku tidak begitu ghairah hendak memberitahu aku.

Selepas seminggu aku asyik bertanya barulah dia menjawab. Aku hanya berharap agar isteriku dapat berubah laku kerana dia sudah mempunyai diploma dan bekerja. Selama beberapa tahun dia menjadi suri rumah tangga sepenuh masa menjaga aku, mungkin hidupnya dalam tekanan. Mungkin itulah yang menjadi rahsia hidupnya. Dia mahu menjadi seorang wanita yang mempunyai kerjaya. Apabila aku mengesyorkan agar dia keluar berjumpa kawan-kawan di luar supaya dia tidak bosan melekap dalam rumah, dia jadi naik angin. Dia tuduh aku sengaja tidak mahu dia berada di rumah, supaya senang aku bersenang-senang dengan kawan aku juga. Dia sengaja menekankan perkataan ‘kawan’, bukan ‘kawan-kawan’. Aku tahu dia masih cemburuan Juriah. Sejak hari itu, aku tidak mahu cadangkan apa-apa yang baik untuk isteri aku itu. Biarlah dia buat keputusan demi untuk kebaikan dirinya. Aku segera memberi amaran kepada Juriah supaya jangan menelefon aku di rumah. Juriah pula yang melenting marah.

“Dia ingat aku nak rampas suami dia ke? Kau bagi tahu isteri kau, jangan nak cemburu buta dengan aku. Kalau aku nak rampas suami dia, dulu lagi aku dah lakukan,” gigi Juriah

berkeretap geram. Mujur dua biji mata hitam Juriah tidak bertukar warna merah macam mata naga. Aku nasihati Juriah supaya lupakan perangai isteri aku itu. Juriah kembali tenang dan mengorak senyuman yang melirik. Aku suka tengok senyuman Juriah itu. Sudah lama aku tak tengok senyuman bahagia seperti itu.

Memang benar, setelah isteriku mendapat diploma dan bekerja, sikapnya semakin menjadi-jadi. Dia mula sombong dan tidak menghiraukan aku langsung. Namun cemburunya terhadap aku semakin bertambah. Percayalah bahawa sifat cemburu perempuan tidak ada kena-mengena dengan pelajaran dan kerjaya. Agaknya selama beberapa tahun dulu, dia tidak senang duduk berkurung dalam rumah menjadi “babu rumah” seperti kata Juriah. Sekarang dia seolah-olah mahu menghukum aku. Dan sekarang dia melepaskan dendam kesumatnya terhadap aku.

Kesokan paginya, aku bingkas bangun dari katil pembaringanku. Semalaman, untuk pertama kali aku tidur seorang diri dalam kamar tidurku. Aku benar-benar lupa, sejak beberapa bulan yang lalu aku sudah tidak ingat di kamar mana isteri aku tidur di waktu malam. Rumah kami ada tiga bilik. Sejak kami pindah aku sentiasa tidur di kamar utama. Isteri aku suka tidur bergilir-gilir bilik. Agaknya dia lebih suka tidur seorang diri. Mungkin.

Hari ini aku harus bangun awal kerana isteri aku tidak akan sediakan sarapan untuk aku lagi. Dulu aku selalu makan roti bakar atau kek yang isteriku beli dari gedung kecil, tidak jauh dari blok rumah kami. Dia juga siapkan dua cawan kopi panas untuk aku dan juga untuk dirinya sendiri. Hanya aku seorang yang bersarapan di meja dapur. Isteriku sengaja menunjukkan yang dia sibuk mengumpul baju-baju kotor untuk dimasukkan ke dalam *washing machine*.

Selepas mandi, aku segera kembali ke kamarku untuk memilih pakaian dan seluar yang harus aku pakai untuk pergi kerja. Selalunya, pakaian aku sudah tersedia dan terserika. Mujur masih ada baju-bajuku yang sudah berseterika, tergantung dalam almari. Kalau tidak kerana sikap dan mulut lancang isteri aku, aku rasa dia seorang isteri mithali. Aku akan menyayangi dia

hingga ke liang lahat. Sayang aku tidak pernah merasai nikmat cinta hidup bersama isteriku.

Aku sendiri tidak tahu apa itu cinta? Juriah kata tanpa cinta dia tidak boleh hidup. Dia lebih rela hidup seorang diri selagi dia tidak ketemu lelaki yang benar-benar cinta kepadanya.

Dulu, ayah mertuaku pernah menasihati aku tentang peranan suami dan isteri semasa melayari hidup berumahtangga. Eh! Aku masih boleh ingat lagi kata-kata nasihat ayah mertua aku itu. Agaknya hanya perkara dan perkataan yang baik-baik yang dapat kekal dalam kepala aku. Hanya kata-kata dan wajah isteriku yang cepat menghilang secepat malam berganti siang.

“Sebagai seorang suami, dia mestilah cintakan isterinya tanpa bersyarat. Sebagai seorang isteri dia mestilah hormatkan suaminya tanpa bersyarat,” ayah mertuaku bercakap lagak seorang ustad. Tapi, dia tidak tahu menjelaskan kepada aku apa yang dimaksudkan cinta dan hormat itu.

Sekarang giliran aku pula untuk menjelaskan tentang hidup berkelamin kepada Juriah. Aku jelaskan kepada Juriah mengikut pengalaman dan kemampuanku sendiri. Aku terangkan kepadanya bahawa hidup berumah tangga tak memerlukan cinta tapi pengorbanan. Ibu-bapa kita dulu tidak pernah bercakap pasal cinta. Tapi mereka dapat sehidup-semati sampai ke anak cucu. Kenapa ? Sebab mereka lebih mengutamakan pada tanggungjawab memberi makan anak-anak, menyekolahkan mereka sehingga mereka besar jadi orang pandai dan berguna. Barulah si ibu merasa bangga kerana anak-anaknya berjaya dan hormat akan orang tua. Barulah kasih seorang ibu terhadap suaminya semakin mendalam. Dia rasa dia selamat dan terpelihara oleh seorang suami yang baik. Dia pun tidak pernah lupa bersyukur kerana ditemukan jodoh dengan lelaki yang bertanggungjawab. Ibu di zaman dulu tidak pernah diajar atau bercakap pasal cinta.

“Bang!”

Aku sudah banyak mengelamun depan cermin muka. Tapi macam ada suara yang memanggil aku, ‘abang’. Ah..! Mana mungkin aku teringatkan isteriku lagi? Tidak mungkin.

Masakan isteriku mahu memanggil aku 'abang'. Aku sudah siap berpakaian. Aku akan melangkah keluar sebagai lelaki baru. Lelaki yang bebas dari tekanan emosi dan dendam. Aku lihat sekali lagi wajahku di cermin. Aku cuba tersenyum. Terlalu payah! Sudah berapa bulan aku tidak senyum. Alangkah bahagianya kalau ada sedikit senyuman yang mampu terlukis di wajahku. Aku harus segera pergi kerja. Kerjaya lebih penting dalam hidup yang serba moden. Manusia boleh menggelabah kalau tidak ada kerja. Kerjaya membuatkan manusia itu merasakan dirinya penting dalam hidup dan juga di kalangan masyarakat, Aku segera berjalan menuju pintu.

"Bang...! Bang, jangan tinggalkan saya."

Suara itu seperti yang pernah aku dengar. Tapi tidak selembut suara yang aku dengar hari ini. Aku mencari-cari dari arah mana datangnya suara itu.

"Saya di sini, bang. Tolong bang, jangan tinggalkan saya. Saya takut kesunyian"

"Siapa kau..? Kau jangan nak main-mainkan aku. Pergi kau dari sini. Kau syaitan, iblis!"

"Saya bukan syaitan, bang. Saya isteri abang. Maafkan saya bang sebab saya terlepas cakap nak tinggalkan abang. Saya menyesal bang. Saya masih cintakan abang". Suara itu agak dari tempat aku berdiri. Aku berjalan semula menuju birai katil aku. Suara itu semakin kuat dan jelas.

" Di sini bang. Atas katil. Saya masih baring atas katil. Semalaman saya ada di sisi abang tapi abang tak pedulikan saya. Saya sedih bang. Tolong bang, jangan tinggalkan saya seorang diri di rumah ni. Rumah ini sudah tidak ada kebahagiaan, bang."

Aku menghampiri katil pembaringan. Suara itu datang dari atas katil, betul-betul bawah bantal yang tidak terusik. Aku menyelak bantal itu. Ada kopiah putih yang masih baru dan belum terpakai.

"Di mana kau. Aku tak percaya kau isteri aku. Isteri aku tak pernah cakap lembut macam kau. Dia tak pernah minta maaf pada aku," aku cuba menjelaskan suara itu supaya ia tidak

memperdayakan aku.

“Bang, saya sudah jadi kopiah putih, bang. Tolong bang! Jangan tinggalkan saya lagi. Abang mesti janji, abang mesti pakai kopiah putih ni. Kopiah putih ni adalah saya. Saya tak mahu hidup berjauhan dari abang.”

Aku tersentak sekejap. Isteri aku sudah jadi kopiah putih! Lama aku merenung kopiah itu. Kemudian aku dengar suara isteriku menangis. Begitu sayu dan menyayatkan. Aku memberanikan diri menghampiri kopiah putih itu. Apabila aku pegang kopiah putih itu barulah dia berhenti menangis. Aku pakai kopiah putih itu di kepalaku.

“Terima kasih, bang. Mulai hari ini saya akan sentiasa bersama abang. Saya tidak akan marah-marah abang. Saya tidak akan menuduh abang yang bukan-bukan. Abang bawalah saya ke masa saja abang pergi.”

Aku tersenyum puas. Segala dendam dan sakit hati aku kepada isteriku sudah terlunas. Dalam hatiku berlonjak-lonjak kerana kemenangan. Baru kau tahu siapa aku. Siapa lelaki yang kau pilih sebagai suamimu ini. Dia sekarang tidak boleh berbuat apa-apa lagi terhadap diriku. Dia tidak boleh cakap kasar kepada aku lagi. Dia sekarang adalah kopiah putih. Lambang kesucian yang aku letak tinggi di atas kepalaku. Memandangkan kau masih ada ciri-ciri kebaikan, kau berhak berjalan duduk di atas kepala suamimu.

Hari ini, lepas waktu pejabat, aku berjanji akan bawa isteriku masuk panggung wayang. Sudah berbulan lamanya dia tidak pernah mahu pergi tengok wayang menemani suaminya. Sekarang aku sudah berjanji hendak menonton wayang bersama Juriah. Dia tidak mampu untuk merasa cemburu lagi. Cemburu itu timbul kerana syak wasangka. Sekarang segala syak wasangka sudah tidak perlu ada sebab Juriah akan duduk rapat di sisiku. Hatiku berkata kepada isteriku, “Awak hanya mampu melihat kami dari atas kepalaku. Kalau awak hendak senantiasa bersama saya, awak jangan berkata-kata, melainkan apabila kita berada di rumah, berdua tanpa penyaksian orang lain.”

Waktu aku melintas gedung kecil, menuju ke LRT, ramai juga yang memandang dua kali ke arah aku. Mereka seperti melihat orang baru di kawasan estet perumahan itu. Yang menghairankan mereka ialah kenapa aku secara tiba-tiba memakai kopiah putih? Semasa aku menunggu LRT tiba di stesyen, dua lelaki yang separuh abad muncul hendak pergi ke masjid. Mereka juga mahu manaiki LRT. Wajah-wajah mereka kelihatan tenang tapi mereka tidak pernah kenal aku. Mereka tentu menyangkakan yang aku baru pulang umrah atau sudah menunaikan haji.

“Assalamualikum Encik Haji...!” Orang tua itu menyapa mesra.

“Wa alaikum salam,” aku menyambut salamnya.

Selepas bersalaman dan memberikan senyuman ukhuwah, kami kembali membisu. Aku masih lagi payah untuk tersenyum? LRT sudah tiba dan berhenti di tempat kami semua berdiri. Aku segera masuk ke dalam gerabak LRT itu. Kedua orang tua yang baru sapa aku tadi tidak ikut masuk sama. Mungkin mereka masih menunggu kawan yang lain atau mereka terlalu hairan melihat aku memakai kopiah putih. Salah seorang daripada mereka sempat bercakap dengan rakan yang berdiri di sebelahnya.

“Aku tak pernah tengok dia berjalan dengan isterinya.”

LRT sudah meluncur pergi. Namun ia seperti sudah ditentukan akan berhenti di setiap stesyen perhentian. Manusia yang mempunyai hala tuju masing-masing, tetap keluar dan masuk menggunakan pengangkutan LRT. Aku duduk sambil memejamkan mataku, cuba mengingati apa yang baru berlaku terhadap isteriku. Hidup juga banyak melalui perhentian. Selagi aku masih hidup aku juga seperti LRT yang aku naiki, terpaksa menjalani laluan dan perhentian yang sudah ditentukan. Aku membetulkan kopiah putih di atas kepalaku. Aku pastikan ia mantap tidak berterbangan jika ditiup angin.

Selepas waktu pejabat, aku segera ke bilik tandas untuk memperkemaskan diriku. Aku letak kopiah putih atas meja kerja. Untuk sementara waktu aku terpaksa tinggalkan isteriku

seketika bukan kerana aku tidak menghormati isteriku lagi tapi aku tidak mahu merendahkan martabat seorang isteri jika aku bawa dia bersama masuk ke dalam tandas lelaki. Dengan bau yang kurang enak sudah tentu tandas lelaki itu tidak sesuai untuk aku bawa dia masuk bersama. Keluar dari tandas, aku dapat merasakan yang isteriku dalam keadaan bersedih. Aku berjaya memujuknya. Aku segera memakai kopiah putih itu semula. Dia kembali ceria kerana dapat berada bersama aku semula. Kalaulah dulu dia bersikap seperti kopiah putih, alangkah bahagianya aku.

Sewaktu Juriah muncul menyambut aku depan pawagam, kopiah putih atas kepala aku bergerak sedikit. Dia sempat berkata yang Juriah memang sudah gemuk gedempol. Aku ingatkan isteriku supaya jangan berkata-kata yang boleh menyakitkan hati sesiapa yang mendengarnya. Kalau dia berdegil juga, akan aku tinggalkan kopiah putih itu dalam panggung wayang. Isteriku jadi takut. Bukan kerana dia takut dengan panggung wayang yang sentiasa gelap tapi, dia takut ditinggalkan hidup seorang diri.

Juriah duduk rapat di kerusi sebelah kiriku. Kopiah putih bergerak lagi. Aku segera memantapkan kopiah putih agar dia tidak jatuh. Juriah suruh aku simpan saja kopiah putih itu dalam tas tangannya. Aku tahu Juriah merasa kurang enak keluar menonton wayang bersama lelaki yang memakai kopiah putih. Aku masih mempertahankan supaya kopiah putih itu masih aku pakai di kepalaku. Aku beri alasan yang kepalaku terasa sejuk disebabkan hawa dingin dalam panggung sangat kuat. Juriah tidak lagi bercakap pasal kopiah putih. Dia tenggelam menghayati cerita yang ditayangkan dalam pawagam itu. Sebelah tangan kanannya memaut tangan kiriku. Gilirannya pula berkata dia kesejukan. Sekali lagi kopiah putih di atas kepalaku bergerak. Seolah-olah aku terdengar suara tangisan yang sayu dan halus. Aku segera mengusap kopiah putih itu berkali-kali. Barulah suara tangisan itu berhenti. Juriah tidak perasan. Dia ingat kepalaku merasa gatal. Juriah lebih terharu melihat watak wanita dalam wayang itu menangis.

Semasa wayang selesai, aku dan Juriah segera berjalan keluar. Udara di luar masih berjerebu. Malah aku lihat jerebu itu semakin menebal. Agaknya, hutan yang terbakar di negara jiran masih belum dapat terpadamkan. Untuk pertama kalinya aku tersenyum. Bukan kerana jerebu tapi kerana aku mula merasa aman. Aku merasa aman kerana masih mampu menolak ajakan Juriah dengan sopan dan lembut.

“Bila kita nak kahwin?” Juriah bersahaja meminta kepastian.

“Selagi jerebu berpanjangan sepanjang tahun dan langit tak berbintang sepanjang zaman. Aku rasa aku lebih senang hidup bersendirian,” aku cuba menolak dengan kata-kata romantis.

“Aku faham. Kau masih tidak dapat melupakan isteri kau.” Namun Juriah tidak pernah kecewa. Aku tahu dia akan tunggu aku sampai bila-bila masa.

Kopiah putih di atas kepalaku tidak bergerak lagi. Isteriku sudah dapat terima dengan rela hati bahawa Juriah itu adalah teman suaminya.

Selepas menghantar Juriah pulang, aku berjalan seorang diri menuju ke blok rumah pangsaku. Aku sengaja masuk ke gedung kecil melalui kedai kopi dan mengambil jalan pintas keluar mengikut pintu yang berdepan dengan pejabat menjual tiket loteri. Pejabat itu sudah tutup. Namun pintu keluar masih terbuka untuk kegunaan orang awam. Dua lelaki separuh abad yang aku temu siang tadi berada di kawasan terbuka milik kedai kopi itu. Mereka nampak aku dan segera memberikan senyuman. Aku membalas senyuman mereka. Mereka kenal aku yang masih memakai kopiah putih di kepala. Selepas aku melangkah jauh, seorang daripada mereka berkata kepada rakannya,

“Kesian aku tengok dia. Isterinya lari dari rumah.”